

KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA
MALAYSIA

PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 20 TAHUN 1974

**PEMINDAHAN GAJI PEKERJA-PEKERJA YANG TELAH
DIBERI TAWARAN PILIHAN SENDIRI (OPTION) DAN
MEMILIH TANGGAGAJI BAHARU SUFFIAN¹**

Kerajaan telah memutuskan bahawa pekerja-pekerja yang telah diberi tawaran pilihan sendiri dan memilih tanggagaji baharu Suffian, yang telah disahkan dalam jawatan selepas dari tarikh 1hb Mac, 1971, katalah pada 1hb April, 1971, hendaklah juga menerima gaji atas tanggagaji baharu yang sama dengan rakan sejawat mereka yang disahkan dalam jawatan pada tarikh 1hb Mac, 1971 atau sebelumnya. Dengan keputusan itu semua pekerja-pekerja yang terlibat seperti Pegawai Kerani, Pembantu Rumah Sakit dan Pegawai Pentadbir P.T.D. yang ditunjukkan dalam contoh-contoh di Lampiran "A" setelah disahkan dalam jawatan maka pada tarikh kenaikan gaji selanjutnya, katalah pada 1hb April, 1971, hendaklah masing-masing menerima gaji bersih (dalam kes-kes ini \$325, \$400 dan \$1,100) bersaing dengan gaji lama yang diterima atas tanggagaji lama sama seperti rakan sejawat mereka yang telah disahkan dalam jawatan pada 1hb Mac, 1971 atau sebelumnya. Demikianlah seterusnya bagi pekerja-pekerja lain yang seumpamanya yang disahkan dalam jawatan selepas dari tarikh itu.

2. Bagi pekerja-pekerja yang ada peperiksaan kedua dalam Sekim Perkhidmatan mereka yang telah melangkah sekatan peperiksaan kedua itu selepas dari tarikh 1hb Mac, 1971, mereka hendaklah juga menerima gaji atas tanggagaji baharu yang bersaing dengan matagaji atas tanggagaji lama apabila melangkah sekatan peperiksaan itu. Dalam contoh yang ditunjukkan dalam Lampiran "B", Penolong Penyelamat Arkib hendaklah menerima gaji \$330 apabila melangkah sekatan peperiksaan (dalam kes ini pada 1hb April, 1971) sama seperti yang diterima oleh rakan sejawatnya yang melangkah sekatan peperiksaan yang sama pada 1hb Mac, 1971 atau sebelumnya.

Tarikh Kuatkuasa

3. Keputusan ini adalah berkuatkuasa mulai daripada 1hb Mac, 1971. Walau bagaimanapun pengubahsuaian gaji dari tarikh pekerja-pekerja itu disahkan dalam jawatan atau melangkah sekatan peperiksaan kedua dan menerima gaji baharu bersaing dengan gaji yang mereka terima atas tanggagaji lama, katalah pada 1hb April, 1971 sehingga 30hb April, 1974, adalah secara isyarat (notional) sahaja. Gaji sebenar hanya boleh dibayar mulai daripada 1hb Mei, 1974.

Am

4. Pekerja-pekerja yang dilantik terus atas tanggaji baharu Suffian tidak tertakluk kepada perubahan ini.
5. Ketua-ketua Jabatan adalah dikehendaki membuat pengubahsuaian gaji pekerja-pekerja yang terlibat.
6. Perubahan tarikh kenaikan gaji yang berlaku berikutan dengan keputusan ini hendaklah tertakluk kepada rumusan seperti yang dibekalkan dalam Pekeliling Perkhidmatan yang berkenaan.
7. Apa-apa kemusykilan atau keraguan yang timbul berkaitan dengan perubahan ini hendaklah dirujuk kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Gaji) untuk arahan.
8. Keputusan yang terkandung di dalam Pekeliling ini telah dibuat dengan persetujuan Pihak Pekerja dalam Majlis Bersama Kebangsaan (Perkhidmatan Awam).

DATO' ABDULLAH BIN AYUB,
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM,
MALAYSIA,
BANGUNAN U.M.B.C.,
KUALA LUMPUR.
24hb Mei, 1974.

CATATAN:

- ¹ Sila rujuk kepada Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1.76 bertarikh 8hb Januari, 1976 untuk penjelasan lanjut tentang pekerja-pekerja Sementara.